

Dr Mahathir cabar pemimpin Umno Kelantan

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencabar pemimpin Umno Kelantan memberi komitmen tidak mengkhianati parti jika tidak terpilih sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang.

“Saya nak minta komitmen, kalau Datuk Ibrahim Ali nak tengok Kelantan menang, saya nak komitmen daripada semua, mungkin komitmen dengan bersumpah dengan al-Quran bahawa kalau dia tak dipilih jadi calon, dia tak akan sabotaj,” kata Presiden Umno pada majlis makan malam bersama perwakilan Umno Kelantan, malam ini.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Majlis anjuran Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa

18 - 22 JUN 2002



**PERHIMPUNAN
AGUNG UMNO**
18 – 22 JUN 2002

Mohamed, sempena Perhimpunan Agung Umno itu dihadiri kira-kira 2,000 perwakilan dan ahli bahagian Umno negeri.

Perdana Menteri berkata, kekalahan Umno kepada Pas pada tiga pilihan raya umum lalu adalah kerana sabotaj oleh sebilangan pemimpin dan pengikut parti yang kecewa kerana tidak dipilih menjadi calon.

Sambil meminta maaf kerana terpaksa mendedah-

kan kenyataan mengenai Umno Kelantan itu, Dr Mahathir berkata ahli Umno Kelantan lebih menyayangi individu tertentu berbanding parti.

“Kalau kita betul-betul komited, kita akan sokong tanpa ambil kira siapa jadi calon dan kita utamakan parti, saya yakin kita akan tawan semula Kelantan,” katanya sambil berselero, beliau sanggup melakukan apa saja yang diminta Ibrahim.

Ibrahim yang juga Ketua Umno bahagian Pasir Mas, ketika membahaskan ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung Umno meminta Dr Mahathir membantu Umno Kelantan menawan semula negeri itu daripada Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir berkata, ke-

menangan Pas di Kelantan bukan kerana rakyat negeri itu menyukai parti pembangkang dan membenci Umno, tetapi disebabkan mereka bosan dengan perebutan kuasa di kalangan pemimpin tertentu Umno.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan rakyat Kelantan marah dan bertindak memberi undi kepada calon Pas.

“Orang Kelantan kata bukan dia tak nak sokong, tetapi kata mereka tengoklah dia orang ini macam mana,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau sedih kerana Kelantan yang didiami penduduk hampir seratus peratus Melayu jatuh kepada parti pembangkang yang tidak pandai mentadbir negeri untuk memajukan rakyat.